



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	15/06/2012

Malaysia terdedah ancaman udara?

Oleh WAN NORDIN WAN
YAACOB

KUALA LUMPUR: Malaysia berdepan situasi sukar jika berlakunya sebarang ancaman pencerobohan termasuk di ruang udara berikutan sejak dahulu lagi tidak mempunyai Radar Avionics.

Radar yang dimiliki Malaysia hanyalah boleh mengawal dan menentukan penerbangan pesawat dalam negeri sahaja iaitu di Semenanjung hingga ke Sabah dan Sarawak.

Mendedahkan isu ini, Pengarah Strategi KeADILan, Rafizi Ramli berkata, jika penerbangan melintasi Laut China Selatan, Malaysia perlu melaporkan kepada negara jiran Singapura.

"Tahap pertahanan negara iaitu dalam aspek ruang

udara kita memandangkan dalam *modem warfare* ini, udara adalah sangat penting. Saya baharu tahu seminggu dua *the moment* kita punya *take off*, Singapura akan tahu. Kita perlu *report* kepada Singapura," katanya kepada *Harakah* semasa satu wawancara eksklusif di Plaza Peransang dekat Shah Alam 7 Jun lalu.

Beliau berkata, seluruh rakyat tidak tahu mengenai perkara bahawa Malaysia tiada kawalan ruang udara.

Katanya lagi, Malaysia hanya ada kawalan bagi sekitar Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Jadi katakanlah kita sedang berperang di udara, perangnya di Sabahlah sebagai contoh, bila terlepas dari Kerteh nak melintasi kawasan ke Sabah, kita

perlu buat laporan kepada Singapura.

"Masuk sahaja Laut China Selatan undang-undang antarabangnya kita kena lapor kepada Singapura, sebab hanya Singapura sahaja yang ada sistem Radar Avionics yang mematuhi *International System Of Aviations*, jadi seluruh radar kawasan ini Singapura yang kawal," dakwanya.

Beliau mendapat maklumat itu daripada seorang yang pernah menjadi antara orang yang terpenting dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Ditanya sama ada Malaysia pernah membina sistem radar tersebut, Rafizi mendedahkan bahawa sejak 50 tahun lalu, kerajaan gagal untuk membina sistem radar avionics yang me-

maksakan Malaysia bergantung dengan Singapura.


Malah katanya, dalam satu penyelidikannya mendapati, seorang kontraktor Bumiputera pernah diberikan dana berbilion ringgit daripada kerajaan bagi membangunkan sistem tersebut.

Malangnya, kata Rafizi, kontraktor yang dikatakan berasal dari Terengganu itu akhirnya gagal menyiapkan walaupun kontrak itu diberikan atas asas keselamatan negara.

"Bukan tidak pernah buat, dia dah bagi kontrak besar kepada satu syarikat atas dasar keselamatan negara, satu syarikat milik orang Terengganu yang dapat kontrak ini.

"Duit telah dilaburkan berbilion ringgit untuk sistem ini, namun produknnya

bahawa



Najib Tun Razak

tiada hingga kini. Dari tahu ke tahun, radar Malaysia tidak boleh padankan. Saya tanya kepada bekas orang kuat TUDM, jika kita berperang bagaimana keadaannya, dia jawab... Matilah kita...." dakwanya lagi.

Beliau juga mendedahkan

kecelaruan

dalam sistem pertahanan negara ini berlaku akibat tiadanya satu dasar jelas pertahanan negara walaupun Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak menjadi Menteri Pertahanan paling lama.

"Sekarang ini isu penjualan rahsia pertahanan negara. Bila saya kaji dan menyelidik mengenai Scorpene ini dan melihat kepada persoalan keselamatan negara, rupanya negara kita tiada Dasar Keselamatan Negara, satu blueprint pun tiada.

"Bila tiada *blueprint* ini, procurement peralatan adalah mengikut citarasa kontraktor yang rasuah ini sahaja, bila kontraktor Scorpene datang, suap rasuah kepada Najib dan kata beli Scorpene, walaupun tiada dalam strategi," dakwanya lagi.